

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI  
[ LAHAD DATU ]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [ LAHAD DATU ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah dan kos jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air yang dapat disediakan berbanding rancangan asal bagi tempoh RMK-11 di Parlimen Lahad Datu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua projek jalan yang telah diluluskan dalam RMK-11 iaitu Jalan Tawayari, Lahad Datu, Sabah yang diluluskan pada tahun 2016 serta projek Naiktaraf Jalan Segama – Northern Bypass, Lahad Datu, Sabah dengan jumlah kos kedua-dua projek adalah RM66 juta. Status semasa bagi projek Jalan Tawayari adalah dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2021. Manakala status projek Naiktaraf Jalan Segama – Northern Bypass adalah dalam proses lantikan perunding.

Bagi pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula, sepanjang tempoh RMK-11 terdapat satu (1) projek yang telah siap fizikal yang melibatkan enam (6) pakej sub-projek di Parlimen Lahad Datu iaitu melalui Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sambungan Talian Grid Zon 2 Negeri Sabah Tahun 2016-2017. Jumlah kos bagi keenam-enam pakej tersebut adalah sebanyak RM50.2juta.

Manakala bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), sepanjang tempoh RMK-11 terdapat empat projek yang diluluskan dimana satu (1) projek dalam pelaksanaan iaitu Projek BALB Di Kawasan Dewata, Lahad Datu, Sabah dengan kos RM22 juta dan status fizikal semasa adalah 24.61%. Manakala tiga (3) lagi projek dalam peringkat pra pelaksanaan dengan butiran seperti berikut:

- a) Projek BALB Kg. Bangingod, Kg. Sri Hak dan Kg. Telibas, Tungku, Lahad Datu, Sabah dengan kos RM17.5 juta. Projek di peringkat penyediaan dokumen tender dan akan ditender pada tahun 2022 apabila proses pengambilan balik tanah selesai sepenuhnya;
- b) Projek BALB Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah Bahagian Lahad Datu dengan kos RM14 juta. Projek di peringkat penyediaan dokumen tender dan akan ditender pada tahun 2022 apabila proses pengambilan balik tanah selesai sepenuhnya; dan
- c) Projek Loji Rawatan Air Sri Putatan dan Sistem Rangkaian Paip Sekitarnya, Lahad Datu, Sabah dengan kos RM167.62 juta. Projek di peringkat kerja pengukuran dan rekabentuk terperinci. Projek dijangka tender pada tahun 2023.